

## **074 INTRINSIK DAN EKSTRINSIK: TINJAUAN MOTIVASI DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH AGAMA**

**Mohd Zaki Bin Ahmad, Mohd Zaki Bin Abd. Rahman (Dr.)**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor

Jabatan Bahasa Arab dan Bahasa-Bahasa Timur Tengah, UM

[zakiahmad@kuis.edu.my](mailto:zakiahmad@kuis.edu.my)

### **ABSTRAK**

Isu yang mungkin timbul dalam menentukan suatu mekanisme yang menjana kelangsungan proses pembelajaran Bahasa Arab di kalangan pelajar ialah motivasi. Isu ini dilihat mempunyai perkaitan yang jelas dengan jenis **Motivasi Intrinsik dan Motivasi Ekstrinsik** yang diamalkan di bilik darjah merangsang pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab. Justeru, tumpuan utama kajian ini ialah untuk meninjau sejauh mana motivasi tersebut yang diamalkan di bilik darjah mempunyai perkaitan dengan pembelajaran Bahasa Arab, di samping mengetahui sejauh mana faktor-faktor yang menjana motivasi sedia ada pelajar mendorong pembelajaran Bahasa Arab. Kajian ini menggunakan tinjauan deskriptif yang bertujuan untuk meninjau rangsangan motivasi dalam kalangan pelajar. Data kajian pula dianalisis melalui statistik deskriptif berdasarkan frekuensi, peratusan dan nilai purata min. Dapatan kajian menunjukkan bahawa para pelajar mengguna pakai motivasi intrinsik maupun motivasi ekstrinsik dalam pembelajaran Bahasa Arab di bilik darjah. Selain itu, dapatan kajian juga memaparkan faktor-faktor yang menjana motivasi tersedia ada pelajar turut memberi sumbangan yang positif terhadap pembelajaran Bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah agama.

### **PENGENALAN**

Pembelajaran Bahasa Arab sebagai bahasa kedua dalam tradisi ilmiah di Malaysia dapat dikatakan telah berkembang lebih suku abad yang lalu, dengan mengambil dekad 1970-an sebagai permulaan penggubalan kurikulum pembelajaran Bahasa Arab secara rasmi yang berdasarkan landasan penubuhan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) pada tahun 1977 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003 : 169). Lama sebelum itu, pembelajaran Bahasa Arab secara tradisional telah bermula di pondok-pondok yang bertujuan untuk memahami, mendalami dan menghayati ajaran Islam. Namun begitu, dewasa ini kita dapati pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia mengalami suatu perubahan yang menggalakkan. Sehubungan itu, timbul keperluan kepada kita hari ini untuk meninjau dan meneliti sejauh mana hubung kait antara bidang psikolinguistik dengan pendidikan bahasa secara saintifik, khususnya untuk pembelajaran Bahasa Arab. Dalam kata lain, tinjauan ini bertujuan untuk mengukur tahap keberkesanan penerapan aspek-aspek psikologi, seperti motivasi yang dapat mendorong maju proses pembelajaran Bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Dengan demikian, melalui dorongan motivasi yang efektif sahaja sudah pasti akan dapat merangsang

dan mendorong pembelajaran Bahasa Arab, dan sekaligus sebagai alternatif untuk menyelesaikan masalah kemerosotan pencapaian mata pelajaran Bahasa Arab serta mengatasi kelesuan bagi kelangsungan proses pembelajaran bahasa itu. Pada masa yang sama dorongan motivasi berusaha mengekalkan kekuatan intrinsik pelajar yang berterusan sepanjang hayat dalam konteks pendidikan bahasa yang kompleks, khasnya untuk Bahasa Arab.

## PERNYATAAN MASALAH

Berdasarkan kesedaran, keinsafan dan mendukung matlamat, visi, dan misi Falsafah Pendidikan Negara, kini semua pihak berperanan penting untuk memberi sumbangan tidak kira apa jua bentuk ke arah memartabatkan proses pendidikan di negara kita amnya dan kepada pelaksanaan program pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab khasnya.

Rasional pernyataan di atas adalah berdasarkan perkembangan pembelajaran Bahasa Arab pada masa kini yang telah mendapat tempat di negara kita. Pembelajaran Bahasa Arab telah berkembang dan mendapat perhatian dalam kalangan lapisan masyarakat sejajar dengan tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, dan penekanan perancangan program pendidikan Bahasa Arab pula telah bermula dari prasekolah dan sekolah rendah lagi. Seajar dengan itu, sukatan pelajaran, buku teks, perancangan program pengajaran dan pembelajaran disusun semula dengan mengambil kira keperluan dan matlamat serta aspek-aspek lain seperti psikologi dalam pendidikan, iaitu dari segi kecenderungan dan motivasi pelajar sebagai asas ke arah menjadikan Bahasa Arab sebagai bahasa kedua di negara kita. Seperti yang ditegaskan oleh Maḥmu:d Ka:mil al-Na:qaṭ (1985:14), perhatian terlebih dahulu perlu diberi terhadap sesuatu tujuan, keinginan, dorongan, keperluan dan motivasi pelajar sebagai satu pendekatan atau landasan bagi merangsang dan memartabatkan pembelajaran Bahasa Arab.

Di samping itu, pendekatan motivasi dalam pembelajaran Bahasa Arab merupakan suatu dorongan dan tenaga yang boleh merangsang pelajar untuk melibatkan diri secara aktif dan menjadi tonggak utama dalam usaha menjana dan menyuburkan keupayaan penguasaan Bahasa Arab dalam situasi pembelajaran bahasa kedua di negara kita.

Oleh yang demikian, dalam kajian ini adalah wajar bagi penulis meninjau, menerokai dan mengukur tahap keberkesanan amalan motivasi yang terdapat pada diri pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Arab. Selain itu kajian ini akan dapat mengenal pasti dan mencadangkan skim-skim motivasi yang membina minat pelajar dalam pembelajaran itu dan melatari perancangan pelajar untuk masa depan yang cemerlang dan terbilang.

Sehubungan itu juga, kajian ini cuba menjelaskan bahawa motivasi merupakan salah satu mekanisme yang penting untuk membangkitkan dorongan dan semangat intrinsik dan ekstrinsik diri pelajar ke arah mencapai tujuan pembelajaran Bahasa Arab. Oleh yang demikian, Atkinson dalam Zulkifley Hamid (1994 : 77) menegaskan,

*Motivasi ialah faktor-faktor yang memberi tenaga dan arah kepada tingkah laku. Seseorang individu yang bermotivasi akan terlibat secara lebih aktif dan dengan lebih berkesan berbanding dengan individu yang tidak bermotivasi.*

Melihat kepada permasalahan seperti ini, penulis telah melakukan kajian tentang pembelajaran Bahasa Arab dengan mengetengahkan pandangan-pandangan sarjana psikologi dan bahasa berkaitan dengan pendekatan-pendekatan motivasi dan faktor-faktor motivasi yang mendorong tingkah laku pelajar. Kajian yang dijalankan ini boleh dianggap sebagai satu usaha awal untuk memberi gambaran yang jelas mengenai perkaitan antara motivasi dan pembelajaran Bahasa Arab di samping gambaran akan peri mustahaknya penggunaan motivasi dalam pembelajaran bahasa itu.

## TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan meninjau perkaitan dan penggunaan motivasi mana yang berkesan dalam pembelajaran Bahasa Arab dalam kalangan pelajar pada peringkat sekolah menengah yang mempunyai mata pelajaran Bahasa Arab Tinggi (BAT) serta sejauh mana mereka memahami dan menyedari bahawa mereka sedang didorong oleh motivasi dalam pembelajaran Bahasa Arab berdasarkan pengetahuan dan persekitaran serta implimentasinya dalam kehidupan seharian sebagai seorang pelajar. Ini kerana, darjat atau aras sifat motivasi ini akan mempengaruhi budaya hidup pelajar tersebut dan cita-citanya pada masa hadapan. Antara objektif khas bagi kajian ini ialah: (i) Untuk mengetahui sejauh mana faktor-faktor yang menjana motivasi sedia ada pada pelajar mendorong pembelajaran Bahasa Arab. (ii) Untuk meninjau sejauh mana terdapat perkaitan antara jenis-jenis pendekatan motivasi dengan pembelajaran Bahasa Arab dalam kalangan pelajar. (iii) Untuk mengenal pasti motivasi jenis apa yang berkaitan dengan pembelajaran Bahasa Arab dalam kalangan pelajar.

Dalam kajian yang dijalankan, secara umumnya pengkaji ingin melihat beberapa persoalan pokok yang utama, iaitu: (i) Sejauh manakah faktor-faktor yang menjana motivasi yang sedia ada pada pelajar mendorong pembelajaran Bahasa Arab? (ii) Adakah motivasi menjadi suatu keperluan dalam kalangan pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Arab? (iii) Sejauh manakah jenis-jenis pendekatan motivasi mempunyai hubung kait dengan pembelajaran Bahasa Arab dalam kalangan pelajar?

Persoalan-persoalan tersebut adalah difikirkan sebagai faktor yang berkemungkinan membangkitkan motivasi dalam proses pembelajaran Bahasa Arab dalam kalangan pelajar Ma'had Attarbiyyah Al-Islamiyyah, Beseri, Perlis (MATRI).

## ULASAN KEPUSTAKAAN

### Konsep Motivasi dan Pengertiannya

Umumnya, kajian yang dibuat secara sistematik dan saintifik terhadap penggerak kepada kemahuan dan keinginan manusia untuk berjaya atau untuk mencapai sesuatu tujuan disebut **motivasi**. Istilah motivasi berasal daripada perkataan Latin *movere* yang bermakna bergerak. Dalam Kamus Besar Arab-Melayu (2006 : 754) pula, motivasi disebut dengan kata tunggal (da:fi') dan kata jamak pula (dawa:fi') yang bererti dorongan. Ainon Mohd. (2003 : 3), menegaskan bahawa istilah motivasi memberi makna mendorong, mengarah dan mengekalkan sesuatu tingkah laku. Oleh itu, ia bertepatan dengan dua kata yang membentuk istilah *motivation* iaitu *motive* dan *action*. Justeru, motivasi boleh diertikan sebagai sebagai dorongan untuk melakukan tindakan bagi tujuan tertentu.


Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002 : 898) pula mendefinisikan motivasi sebagai keinginan yang keras atau semangat yang kuat pada diri seseorang yang mendorongnya untuk berusaha atau melakukan sesuatu dengan tujuan untuk mencapai kejayaan.

Motivasi, menurut pandangan Wan Rafeai Abdul Rahman (1991 : 11), ialah satu set proses yang bertenaga kepada tingkah laku seseorang itu dan menghala tingkah laku itu kepada satu-satu matlamat. Lantaran itu, konsep motivasi bukan setakat melibatkan sesuatu keperluan dan keinginan yang menggerakkan tingkah laku atau pembelajaran seseorang, bahkan juga dari segi hala tuju yang diambil oleh seseorang itu untuk memuaskan keperluan dan keinginannya.

Sarjana psikologi Arab 'Abd al-Maji:d Sayyid Aḥmad Manṣu:r et. al. (2004 : 164) pula mendefinisikan motivasi sebagai kajian tentang keadaan ketegangan dalaman yang merangsang aktiviti seseorang dan mendorongnya untuk berusaha mencapai tujuan yang tertentu dalam persekitarannya.

Ford dalam Mohamad Shatar Sabran (2005 : 7) berpendapat motivasi adalah satu proses membangkit, mengarah, dan mengekalkan tindakan tingkah laku ke arah tujuan tertentu, di mana sebelum ini tidak ada gerakan menuju ke arah tujuan tersebut. Namun demikian, motivasi dalam erti kata sebenarnya bukanlah berbentuk tingkah laku tetapi kondisi internal iaitu dalam diri yang kompleks lagi subjektif, yang tidak dapat difahami secara langsung tetapi mempengaruhi seseorang (Christopher et. al, 1999 : 120). Justeru, motivasi adalah dorongan dari dalam iaitu motif yang berupa harapan dan keinginan yang bersifat mendorong dan menggerakkan individu.

Daripada pandangan-pandangan dan pengertian sebelum ini, konsep motivasi boleh digambarkan sebagai sebuah kitaran yang terdapat pada Rajah 1.1.



**Rajah 1.1**  
Lingkar Konsep Motivasi  
(Sumber Rohaty Mohd. Majzub)

Rajah 1.1 menunjukkan sebuah lingkaran konsep motivasi yang bermula daripada pelbagai keperluan, kemahuan, atau keinginan yang mengakibatkan timbul desakan motif dalam diri individu. Desakan pula menghasilkan ketegangan dan kerisauan. Ketegangan melahirkan tingkah laku bermotivasi yang akan mengarah kepada sesuatu matlamat tertentu. Pencapaian matlamat akan memenuhi keperluan dan menghasilkan kepuasan. Apabila seseorang pelajar sampai kepada matlamatnya dia akan mendapat peneguhan. Oleh demikian, peneguhan dalam bentuk intrinsik atau ganjaran yang berbentuk ekstrinsik akan menyebabkan pelajar itu bertindak selanjutnya untuk mengulangi tingkah laku yang bermotivasi dalam mengekalkan kecemerlangan hidup.

### **Paradigma Penjenisan Motivasi**

Terdapat beberapa paradigma di kalangan ahli-ahli psikologi dan pedagogi tentang penjenisan motivasi. Berikut ialah tiga bentuk paradigma dalam penjenisan motivasi yang berkaitan dengan kajian ini. Pertama, Motivasi Intrinsik dan Motivasi Ekstrinsik. Kedua, Motivasi Integrasi dan Motivasi Instrumental. Ketiga, Motivasi berdasarkan

keperluan, emosi dan motif. Berikut ialah interpretasi dan penghuraian yang menyentuh ketiga-tiga kategori paradigma tersebut:

**a- Motivasi Intrinsik dan Motivasi Ekstrinsik**

Mahyy al-Di:n Tu:q et. al. (2003: 207) mengklasifikasikan motivasi kepada motivasi fisiologi dan motivasi psikologi. Motivasi psikologi pula dikaitkan dengan dua faktor, iaitu faktor dalaman dan faktor luaran yang masing-masing dikenali sebagai (dawa:fi' nafsiiyyat da:khiiliyyat) iaitu motivasi intrinsik dan (dawa:fi' nafsiiyyat kha:rijiyyat) iaitu motivasi ekstrinsik. Dua jenis motivasi yang berdasarkan domain dalaman dan domain luaran diinterpretasi seperti berikut:

**(i) Motivasi Intrinsik**

Motivasi intrinsik ialah dikenali motivasi dalaman. Dorongan intrinsik timbul kerana memenuhi keperluan fisiologi dan psikologi (Rohaty Mohd. Majzub, 1992 : 29). Ia juga merupakan ciri semula jadi manusia untuk mengatasi segala cabaran dan rintangan dalam usaha untuk mendapatkan sesuatu yang diinginkannya. Jenis motivasi ini juga dikaitkan dengan faktor dalam diri seperti keperluan, minat, rasa ingin tahu, kepuasan sendiri dan lain-lain.

Apabila seseorang pelajar mempunyai keinginan intrinsik, dia tidak memerlukan apa-apa bentuk insentif atau hukuman untuk melakukan perkara tersebut kerana aktiviti itu sendiri telah dapat memenuhi kepuasan dan keperluan dalaman pelajar itu.

Penyataan ini menjelaskan bahawa tidak semua tingkah laku boleh dibentuk melalui skema peneguhan. Ini kerana terdapat sesetengah tingkah laku itu dilakukan kerana individu berkenaan mendapat satu bentuk kepuasan dalaman atau satu motivasi intrinsik hasil daripadanya (Mahmood Nazar Mohamed, 1990 : 294).

**(ii) Motivasi Ekstrinsik**

Motivasi Ekstrinsik adalah berlawanan dengan Motivasi Intrinsik. Motivasi jenis ini menjurus kepada keinginan untuk bertindak yang disebabkan oleh faktor dari luar diri *external* individu (Mohammad Shatar Sabran, 2005 : 9). Segala aktiviti motivasi jenis ini adalah bertujuan untuk mendapatkan ganjaran seperti hadiah, sijil, pujian, mengelak daripada hukuman, mendapat perhatian guru atau rakan sebaya dan apa sahaja sebab yang hanya bertujuan untuk memenuhi kehendak jangka pendek dan sendiri.

Oleh demikian, motivasi jenis ini wujud dan terjadi disebabkan oleh keinginan kepada pengiktirafan dan persetujuan semata-mata. Jika motivasi ekstrinsik berlaku, pelajar akan berasa diri mereka dimanipulasikan untuk mendapat pujian dan ganjaran (Rohaty Mohd. Majzub, 1992 : 29). Kedua, seolah-olah pembelajaran hanyalah merupakan jambatan untuk memperoleh matlamat. Juga dipercayai pemindahan pembelajaran sukar berlaku kerana selepas sahaja ganjaran ekstrinsik diterima, pelajar mudah dan akan lupa apa yang telah dipelajari. Ketiga pelajar terlalu bergantung pada guru untuk menepa kejayaan.

Oleh itu, pelajar perlu berhati-hati dan bijaksana apabila dirangsang oleh motivasi jenis ini dengan pelbagai bentuk ganjaran dalam situasi pembelajaran di dalam bilik darjah.

## **b- Motivasi Integrasi dan Motivasi Instrumental**

Maḥmu:d Ka:mil al-Na:qat̃ (1985 :30) menggolongkan motivasi dalam pembelajaran bahasa asing atau bahasa kedua kepada dua jenis iaitu (dawa:fi' taka:muliyyat) iaitu motivasi integrasi dan (dawa:fi' wasi:lat̃) iaitu motivasi Instrumental.

### **(i) Motivasi Integrasi**

Motivasi Integrasi berlawanan dengan motivasi konsep sendiri. Motivasi jenis ini bertujuan untuk menguasai mana-mana bahasa kedua supaya dapat berkomunikasi dengan bahasa masyarakat tersebut dengan jayanya. Malah, menurut Maḥmu:d Ka:mil al-Na:qat̃ (1985 : 30), motivasi integrasi adalah berkait rapat dengan minat seseorang dalam pembelajaran bahasa tersebut. Gardner dan Lambert dalam Brown (1994 : 145), mengatakan bahawa seseorang itu dikatakan bermotivasi integrasi jika motif beliau mempelajari sesuatu bahasa kedua adalah bagi membolehkannya mengintegrasikan dirinya ke dalam masyarakat bahasa tersebut serta dapat mengidentifikasikan dirinya sebagai sebahagian daripada masyarakat itu.

### **(ii) Motivasi Instrumental**

Motivasi Instrumental ialah minat seseorang untuk memperoleh bahasa kedua kerana didorong oleh motif-motif yang mendatangkan manfaat. Menurut Gardner dan Lambert dalam Brown (1994 : 145), seseorang itu dikatakan bermotivasi instrumental sekiranya tujuan beliau untuk menguasai sesuatu bahasa kedua adalah untuk membolehkannya menggunakan bahasa tersebut untuk mencapai matlamat-matlamat yang lain daripada matlamat integrasi seperti menyambung pengajian tinggi, membolehkannya membaca bahan-bahan yang ditulis dalam bahasa tersebut, penterjemahan dan sebagainya.

Menurut Maḥmu:d Ka:mil al-Na:qat̃ (1985 : 31) jenis motivasi ini mempunyai peranan yang penting dalam pembelajaran bahasa. Oleh demikian, beliau menyarankan bahawa perlu dikenal pasti terlebih dahulu jenis motivasi mana yang boleh mempengaruhi penutur-penutur natif bahasa Arab. Di samping itu, beliau menegaskan bahawa ilmu pengetahuan Bahasa Arab adalah suatu ilmu yang amat berguna dan bermanfaat dari pelbagai aspek terutamanya untuk pengajian Islam kepada para pelajar muslim menunjukkan sesuatu pencapaian atau prestasi yang baik dalam proses pembelajaran. Dengan itu mereka akan berusaha mencapai matlamat dan kecemerlangan yang lebih tinggi serta memikirkan cara untuk memberi sumbangan kepada kelas, sekolah dan komuniti.

Ketiganya, dari aspek pengetahuan dan pemahaman. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, guru haruslah menggunakan sifat naluri ingin tahu pelajar untuk mendorong mereka belajar bagi memperoleh pengetahuan, di samping mengatur, menyusun dan menganalisis perhubungan dalam pelbagai perkara supaya mereka mendapat kefahaman yang kukuh. Akhirnya dari segi estetik, pelajar perlu dibimbing untuk menghargai keindahan alam sekitar. Dengan demikian, mereka dapat menghayati dan memelihara keindahan alam yang dapat merangsang minat dalam pembelajaran.

## **Tujuan Motivasi**

Antara tujuan utama mengkaji motivasi adalah seperti berikut:

- i- Membina dan menghasilkan teori-teori dan prinsip-prinsip yang menjadi asas kepada motivasi untuk memahami tingkah laku pelajar dalam bidang pendidikan.
- ii- Penyelidikan motivasi dalam profesionalisme pendidikan menambah pengetahuan kepada pendidik mengenai proses pengajaran dan pembelajaran yang kondusif.

Begitu juga motivasi mendapat input daripada psikologi pendidikan. Oleh itu, ilmu tentang motivasi dan konsep berkaitan dengannya diperlukan sebagai panduan dalam motivasi diri (Sharifah Akmam Syed Zakaria, 2005 : 13).

- iii- Motivasi dalam pembelajaran bahasa menggalakkan penyelidikan sesuatu isu secara saintifik. Pendidik boleh membuat keputusan mengenai sesuatu dorongan pelajar secara lebih objektif dan sistematis. Justeru itu, bidang motivasi adalah suatu bidang yang bertujuan menjawab pertanyaan ‘mengapa’ terjadinya tingkah laku; sebab-sebab yang mendorong manusia melakukan pelbagai perbuatan (Ainon Mohd, 2003 : 3).

### **Sumbangan Motivasi**

Daripada huraian tentang tujuan motivasi, jelaslah bahawa terdapat pertalian yang begitu rapat sekali antara tujuan dan sumbangan motivasi dalam pendidikan. Antara sumbangan utama motivasi dalam proses pendidikan yang dikaitkan dengan pelajar adalah seperti berikut:

- i- Membantu pelajar memahami ciri-ciri pertumbuhan dan perkembangan diri mereka itu sendiri dan bagaimana ciri-ciri ini dihubungkan dorongan motivasi dalam situasi pembelajaran di dalam bilik darjah. Oleh itu, pelajar dapat merancang pembelajaran bahasa yang sesuai dengan tahap perkembangannya.
- ii- Membantu pelajar memahami dan mengarahkan motif tingkah laku mereka melalui pemahaman pendekatan dan teori pembelajaran yang berkaitan dengan motivasi. Misalnya, pelajar akan terangsang dan berkemungkinan mengulangi sesuatu tingkah laku yang diinginkan jika tingkah laku tersebut menerima ganjaran dan pengiktirafan.
- iii- Melalui pendekatan motivasi pelajar dapat merancang matlamat dan objektif pembelajaran yang sesuai dengan kemampuannya sendiri dan menggariskan langkah-langkah supaya pembelajarannya akan dapat menjana kecemerlangan akademik.
- iv- Melalui ilmu motivasi, pelajar dapat menilai kualiti pendidikan mereka dari segi perbezaan latar belakang budaya, kebolehan dan tahap pencapaian *attainment levels* (Ames dan Ames, 1984 : 11). Pada masa yang sama, ilmu motivasi ini membolehkan mereka menstrategikan konsep motivasi sendiri dalam menghadapi dan meneruskan proses pembelajaran bahasa yang lebih mencabar.
- v- Mengenal pasti punca kegagalan dalam ujian, meningkatkan prestasi pencapaian dan memprogramkan pembangunan motivasi sendiri. Dengan itu, data dan maklumat yang diperolehi akan dapat membantu pelajar menyelesaikan masalah mereka dalam menghadapi pembelajaran sekaligus dapat memotivasikan diri mereka meningkatkan kualiti pencapaian.
- vi- Pelajar akan lebih bersabar dan bertanggungjawab apabila mereka menyedari aspek pencapaian dan kecerdasan yang berbeza-beza adalah didorong oleh domain motivasi dalaman dan persekitaran pelajar itu sendiri.
- vii- Sukatan pelajaran bahasa dapat disusun dan dirancang berlandaskan pendekatan motivasi pelajar (Mahmu:d Ka:mil al-Na:qaṭ, 1985 : 28). Misalnya, pendekatan pembelajaran bahasa berdasarkan tujuan-tujuan khas.

### **Pendekatan Motivasi**

Jenis-jenis pendekatan motivasi ini diklasifikasikan kepada dua bahagian.

### **Pendekatan Motivasi Intrinsik**

Motivasi ini bermaksud keinginan pelajar untuk belajar kerana desakan dalaman yang kuat. Pelajar yang mempunyai pendekatan motivasi ini cenderung untuk belajar dan seronok dengan pencapaian akibat daripada pembelajaran Bahasa Arab. Mereka suka belajar demi mencapai matlamat pembelajaran bahasa itu untuk masa depannya.

Nordin Mamat (2001:30) dalam kajiannya berkata motivasi intrinsik umumnya ditingkatkan oleh minat peribadi dalam pembelajaran dan membantu pelajar meletakkan matlamat pembelajaran pada diri mereka. Oleh itu, pelajar yang mempunyai motivasi intrinsik akan memperoleh pencapaian yang signifikan dalam pembelajaran Bahasa Arab mereka. Malah, pelajar yang bermotivasi intrinsik lebih cenderung untuk berusaha dalam pembelajaran itu dan mencapai tujuannya.

Selain itu, Harter dalam Saedah Siraj dan rakan-rakannya (1996 :15) telah mengenal pasti lima dimensi kecenderungan motivasi intrinsik dalam bidang pembelajaran. Dimensi-dimensi ini ialah cabaran, insentif belajar untuk memuaskan minat dan sifat ingin tahu, percubaan penguasaan yang bebas, penilaian yang bebas tentang apa yang hendak dilakukan dalam kelas dan kriteria dalaman untuk berjaya.

### **Pendekatan Motivasi Ekstrinsik**

Motivasi ini merujuk kepada sesuatu perkara yang didorong oleh domain luaran seperti hadiah atau ganjaran, tekanan sosial, hukuman dan lain-lain. Jenis motivasi ini berlawanan dengan motivasi intrinsik, di mana aktiviti pembelajaran Bahasa Arab yang dilakukan adalah bertujuan untuk mendapatkan ganjaran. Ini termasuklah penggunaan pangkat, pujian, anugerah, hadiah atau gred untuk meningkatkan motivasi pelajar dalam proses pembelajaran bahasa itu.

Menurut Mohd. Sharani Ahmad et. al. (2003 : 67), motivasi ekstrinsik berkait rapat dengan pengukuhan. Pengukuhan ialah proses di mana sesuatu peristiwa yang berlaku secara luaran disebabkan oleh sesuatu respon yang diterima meningkat. Justeru, apa sahaja yang diperoleh di dalam sesuatu pembelajaran Bahasa Arab atau perubahan tingkah laku yang positif dikenali sebagai pengukuhan yang positif, dan begitu juga sebaliknya.


## **REKA BENTUK KAJIAN**

Reka bentuk kajian berfungsi sebagai panduan halu tuju sesuatu kajian di samping mencari jawapan yang jelas terhadap persoalan-persoalan kajian. Justeru, reka bentuk kajian ini adalah satu kajian tinjauan deskriptif yang bertujuan untuk meninjau motivasi terhadap pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar.

Sehubungan itu, pengumpulan data dibuat dengan menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu melalui pengedaran soal selidik di kalangan pelajar. Responden-responden dikehendaki menjawab semua soalan yang disediakan dalam instrumen tersebut. Data kajian kemudiannya dipungut dan dianalisis dengan menggunakan kaedah statistik berasaskan komputer atur cara *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 14.0 yang bertujuan untuk menentukan pengaruh pemboleh ubah bebas terhadap pemboleh ubah bersandar sebelum ia dibentangkan. Rumusan kajian ini nanti akan bergantung sepenuhnya kepada penggunaan data-data statistik yang diperolehi daripada huraian dapatan kajian. Rangka kerja kajian ini dapat ditunjukkan dalam rajah 1.2 berikut:



**Rajah 1.2**  
**Kerangka Konsepti**



Pemboleh ubah dalam kajian ini adalah seperti berikut:


**i- Pemboleh ubah bebas**

Pemboleh ubah bebas utama dalam kajian ini ialah pendekatan motivasi yang merangkumi motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik,. Manakala pemboleh ubah bebas pengaruh non-motivasi pelajar pula ialah domain demografi dari segi jantina responden. Pemboleh ubah ini dikategorikan sebagai *independent*.

**ii- Pemboleh ubah bersandar**

Pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini ialah pembelajaran bahasa Arab di kalangan pelajar. Pemboleh ubah ini pula berfungsi sebagai *dependent*. Sehubungan itu, reka bentuk pemboleh ubah dalam kajian ini boleh diperlihatkan seperti dalam rajah 1.3 di bawah.

**Rajah 1.3**  
**Kerangka Konseptual Pemboleh Ubah Kajian**



## **SUBJEK KAJIAN**

### **Populasi**

Populasi kajian ini melibatkan pelajar dan guru yang merangkumi lelaki dan perempuan. Jumlah populasi pelajar ialah seramai 240 orang. Sehubungan itu, Syed Arabi Idid (2002 : 45) mengatakan bahawa pada asasnya persampelan membolehkan maklumat diperolehi daripada sebahagian daripada kumpulan yang lebih besar. Kumpulan yang lebih besar ini dikenali sebagai populasi.

### **Persampelan**

Kajian ini akan menggunakan Kaedah Persampelan Rawak Bersetara bagi memastikan hasil kajian boleh dipersembahkan dengan lebih efektif dan kondusif. Penulis memilih kaedah persampelan ini kerana populasi kajian meliputi latar belakang yang berbeza dari segi aliran akademik, tingkatan dan jantina.

Sehubungan itu, sampel yang digunakan dalam kajian ini adalah seramai 131 orang pelajar yang meliputi 65 pelajar lelaki dan 66 pelajar perempuan. Taburan pemilihan sampel kajian bagi responden pelajar adalah dinyatakan dengan jelas seperti jadual *Crosstabs* 1.4 di bawah. Penentuan saiz sampel dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada saiz populasi, seperti mana yang disarankan oleh Mohd. Majid Konting (2005 : 71 -72).

**Jadual Crosstabs 1.4**  
**Taburan Responden Pelajar Mengikut Aliran Akademik, Tingkatan dan Jantina.**

Tingkatan	Jantina	Aliran Akademik		Jumlah
		Sains Tulen	Sains Sosial	
Tingkatan 4	Lelaki	18	17	35
	Perempuan	15	19	34
Tingkatan 5	Lelaki	15	15	30
	Perempuan	17	15	32
<b>Jumlah keseluruhan</b>				<b>131</b>

### **PENDEKATAN KAJIAN**

Kajian ini menggunakan metod kajian kuantitatif . Pendekatan kuantitatif diguna pakai dalam kajian ini untuk mengumpul data primer melalui soal selidik pelajar, iaitu data yang diperolehi daripada sumber yang pertama untuk menghurai dan memberi gambaran perangkaan tentang taburan demografi, penentuan tahap pengaruh motivasi dan perbezaan di antara pendekatan motivasi. Selain itu, pendekatan ini juga melaporkan perangkaan yang menyentuh faktor-faktor yang menjana motivasi pelajar dan pencapaian dalam peperiksaan PMR serta minat mereka dalam pembelajaran bahasa Arab.

Manakala, pendekatan kualitatif digunakan dalam kajian ini untuk mengumpul data temu bual bagi menginterpretasikan perspektif guru terhadap faktor-faktor yang menghalang motivasi, ciri-ciri motivasi dan skim motivasi serta harapan dan cadangan responden terhadap peningkatan motivasi di kalangan pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab.

### **LOKASI KAJIAN**

Tempat kajian ialah di sebuah sekolah agama swasta di negeri Perlis yang dikenali dengan panggilan ‘MATRI’. MATRI adalah singkatan nama kepada Ma’had At-Tarbiyah Al-Islamiyah (Ghazali Saad, 2004 : 102 – 108).

MATRI telah didaftarkan dengan Jabatan Agama Islam Perlis (JAIPs) pada 8 April, No. Pendaftaran: JAIPs-AM-1/8(8). MATRI juga berdaftar dengan Jabatan Pendidikan Perlis (JPNPs), dan mendapat kelulusan Kementerian Pendidikan Malaysia pada 20 hb. Ogos 1994, No. Pendaftaran: JPPs.24/98. MATRI turut sama diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai sebuah Sekolah Antarabangsa *International School*, No. Kelulusan: KP(JPS) 5181/20/01/Jld.2(47).

MATRI menawarkan sistem pendidikan yang selari dengan sistem pendidikan arus perdana. Ia menggunakan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) sepenuhnya bagi pendidikan peringkat Menengah Rendah dan Menengah Atas, dengan penekanan utama kepada pendidikan Islam dan Bahasa Arab. Manakala bagi peringkat Marhalah Khassah iaitu tingkatan 6, kurikulum yang diguna pakai ialah kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia bagi Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), dan kurikulum yang diiktiraf oleh beberapa universiti di luar negara seperti Al-Azhar, Mesir dan lain-lain.

## **INSTRUMEN KAJIAN**

Dalam kajian ini penulis mengguna pakai instrumen kajian seperti berikut:

### **Soal Selidik Pelajar**

Subjek kajian berpandukan borang soal selidik terbahagi kepada empat bahagian iaitu:

#### **i- Bahagian A : Demografi Responden**

Bahagian A mengandungi soalan nombor 1 hingga nombor 10 yang merangkumi item-item demografi pelajar dari aspek jantina, umur, keturunan, tingkatan, aliran akademik pelajar, lokasi kediaman, negeri tempat tinggal, peringkat pendidikan ibu bapa atau waris, dan pendorong terhadap pencapaian mata pelajaran BAK dalam peperiksaan PMR.

#### **ii- Bahagian B : Latarbelakang dan Persepsi Responden Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab.**

Bahagian B mengandungi soalan 11 hingga 13 yang menyentuh item-item pendorong utama responden memilih sekolah aliran agama, minat dalam mata pelajaran Bahasa Arab, dan semangat belajar bahasa Arab dalam bilik darjah.

#### **iii- Bahagian C : Faktor Pengaruh Motivasi dan Pendorong Terhadap Pencapaian BAK Responden**

Bahagian ini mengemukakan soalan 14 hingga 15 yang merangkumi item-item mengenai faktor-faktor yang mendorong motivasi responden dalam pembelajaran Bahasa Arab, dan pendorong kepada prestasi yang baik dalam mata pelajaran BAK di peringkat PMR.

#### **iv- Bahagian D : Pendekatan Motivasi.**

Bahagian D pula meliputi item-item yang berkaitan dengan pendekatan motivasi; motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik. Bagi setiap pendekatan motivasi pula mengandungi 8 item. Jumlah keseluruhan pernyataan bahagian ini adalah sebanyak 16 item. Kesemua item menggunakan Skala Likert Lima Peringkat bagi mengukur pengaruh pendekatan motivasi yang dikaji.

### **3.5.3 Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Kajian**

Penulisan item pada bahagian A dalam borang soal selidik adalah dibentuk sendiri oleh penulis, sementara Bahagian B dan Bahagian C berpandukan kepada kajian lampau. Untuk menentukan alat kajian ini lebih signifikan, penulis telah mengadaptasi item-item tersebut daripada beberapa buah disertasi lampau. Namun begitu, pembentukan semua item tersebut terlebih dahulu mendapat nasihat dan panduan daripada penyelia sebelum diedarkan kepada responden. Berikut adalah disertasi-disertasi yang diadaptasi oleh penulis bagi pembinaan item soal selidik dan temu bual:

- i- Sharifah Fatimah Binti Wan Jamal (2002), Pengaruh Guru Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab: Satu Kajian Kes. Disertasi Sarjana Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- ii- Gazilah Binti Mohd. Isa (2005), Gaya Pembelajaran Pelajar dan Hubungannya Dengan Pencapaian Bahasa Arab Komunikasi. Disertasi Sarjana Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- iii- Abdullah Bin Othman (2002), Persepsi Pelajar Terhadap Faktor yang Mempengaruhi Mata Pelajaran Sains. Disertasi Sarjana Universiti Utara Malaysia.

## **PENGANALISISAN DATA STATISTIK**

Kaedah penganalisan data adalah berdasarkan objektif-objektif kajian yang telah dinyatakan. Data-data yang dikutip telah diproses dan dianalisis secara statistik berlandaskan komputer atur cara SPSS 14.0 *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 14.0. Ini kerana penganalisan data berstatistik menggunakan perisian pengaturcaraan SPSS dapat menghasilkan pengiraan yang tepat dan kerana itu bebas daripada ralat. Seterusnya, data-data dianalisis menggunakan kaedah statistik seperti berikut:

### **Statistik Deskriptif**

Statistik deskriptif digunakan dalam kajian ini adalah untuk mendapat data frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai yang menerangkan tentang penghujahan keputusan dapatan kajian yang bertujuan untuk menjawab soalan-soalan kajian dan sekaligus mencapai objektif kajian yang digariskan.

Seterusnya, data diringkaskan kepada Jadual Frekuensi *frequency table* dengan mengguna pakai analisis deskriptif tersebut bagi mendapat gambaran taburan data seperti profil demografi, persepsi responden terhadap minat dalam pembelajaran Bahasa Arab, faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi tersedia ada, dan keberkesanan pendekatan motivasi dalam pembelajaran Bahasa Arab.

## **SKOP PERBINCANGAN ANALISIS ITEM**

Dalam membincangkan analisis kajian ini, penulis membahagikan kepada dua bahagian, iaitu analisis soal selidik pelajar dan temu bual semi berstruktur guru:

### **Analisis Soal Selidik Pelajar**

Sub-tajuk ini mengandungi huraian data bagi analisis soal selidik pelajar secara deskriptif. Bahagian A berkenaan profil responden. Bahagian B mengemukakan latar belakang pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Arab. Seterusnya, bahagian C berkaitan faktor-faktor yang menjana motivasi sedia ada pada pelajar dalam pembelajaran Bahasa Arab dan pendorong terhadap pencapaian mata pelajaran BAK dalam PMR, dan bahagian D mengemukakan analisis keseluruhan dimensi jenis-jenis pendekatan motivasi dalam pembelajaran Bahasa Arab.

### **Analisis Temu Bual Semi Berstruktur**

Dalam sub-tajuk ini pula penulis membentangkan analisis kajian temu bual secara deskriptif kepada dua bahagian. Bahagian A mengandungi analisis temu bual berkenaan pengalaman pengajaran responden. Manakala bahagian B pula mengemukakan analisis persepsi guru terhadap motivasi pelajar dalam pembelajaran Bahasa Arab, halangan motivasi yang dialami oleh pelajar, ciri-ciri motivasi dan skim-skim motivasi yang relevan serta harapan dan cadangan untuk meningkatkan motivasi pelajar.

## **ANALISIS ITEM SOAL SELIDIK PELAJAR**

### **Analisis Deskriptif Profil Responden**

Bahagian A dalam borang soal selidik adalah berkaitan ciri-ciri demografi sampel kajian. Penganalisan dilakukan untuk melihat responden berdasarkan jantina, umur, keturunan, tingkatan, aliran akademik, lokasi kediaman, negeri tempat tinggal, peringkat pendidikan ibu bapa atau penjaga dan keputusan BAK dalam peperiksaan PMR responden. Daripada 160 set soal selidik yang diedarkan kepada responden, sebanyak 131 set borang soal selidik telah

dikembalikan dan dianalisis dengan sempurna. Sebanyak 10 item yang berkaitan dengan demografi responden dikaji untuk mengaitkannya dengan motivasi terhadap pembelajaran Bahasa Arab. Penghuraian analisis mengenai deskriptif profil responden meliputi sub-tajuk yang berikut:

### Jantina Responden

Merujuk Jadual 1.5, dapatan kajian menunjukkan taburan responden mengikut jantina. Sebanyak 131 responden telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Jumlah responden lelaki seramai 65 orang atau 49.6%, manakala responden perempuan pula seramai 66 orang atau 50.4%.

**Jadual 1.5**  
**Taburan Responden Berdasarkan Jantina**

Penyataan	Frekuensi	Peratus
<b>Jantina</b> Lelaki	65	49.6
Perempuan	66	50.4
<b>Jumlah</b>	<b>131</b>	<b>100</b>

### Umur Responden

Jadual 1.6, menunjukkan taburan profil responden mengikut umur. Daripada keseluruhan responden yang mengambil bahagian dalam kajian ini didapati seramai 69 orang atau 52.7% berumur 16 tahun dan 62 orang atau 47.3% berumur 17 tahun. Ini menunjukkan bahawa umur bagi pelajar di peringkat sekolah menengah bagi Tingkatan Empat dan Lima pada sekitar 16 hingga 17 tahun.

**Jadual 1.6**  
**Klasifikasi Umur Responden**

Penyataan	Frekuensi	Peratus
<b>Umur</b> 16 tahun	69	52.7
17 tahun	62	47.3
<b>Jumlah</b>	<b>131</b>	<b>100</b>

### Keturunan Responden

Jadual 1.7 menunjukkan keturunan Melayu merupakan kumpulan responden terbesar iaitu seramai 128 orang atau 97.7%, diikuti oleh masing-masing seorang responden atau 0.8% yang berketurunan Thai, Indonesia dan Afghanistan.

**Jadual 1.7**  
**Taburan Responden Berlandaskan Keturunan**

Pernyataan		Frekuensi	Peratus
Keturunan	Melayu	128	97.7
	Thai	1	0.8
	Indonesia	1	0.8
	Afghanistan	1	0.8
<b>Jumlah</b>		<b>131</b>	<b>100</b>

### Tingkatan Responden

Berlandaskan Jadual 1.8, taburan responden mengikut tingkatan adalah sama dengan taburan mengikut umur iaitu seramai 69 orang atau 52.7% Tingkatan Empat dan 62 orang atau 47.3% Tingkatan Lima. Dapatan ini menepati syarat pengedaran borang soal selidik yang telah digariskan oleh penulis dengan mengambil kira setiap tahap pengajian pada peringkat menengah iaitu Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima.

**Jadual 1.8**  
**Taburan Responden Mengikut Tingkatan**

Pernyataan		Frekuensi	Peratus
Tingkatan	Empat	69	52.7
	Lima	62	47.3
<b>Jumlah</b>		<b>131</b>	<b>100</b>

### Aliran Akademik Responden

Jadual 1.9, menunjukkan taburan responden berasaskan aliran akademik. Seramai 65 orang responden atau 49.6% adalah dari aliran sains tulen, manakala seramai 66 orang responden atau 50.4% dari aliran sains sosial. Dapatan ini menunjukkan bahawa sampel terdiri daripada aliran sains tulen dan aliran sains sosial. Ini juga menunjukkan bahawa taburan agihan soal selidik dilakukan secara rawak dan hampir saksama, tanpa mengutamakan mana-mana aliran akademik.

**Jadual 1.9**  
**Taburan Responden Mengikut Aliran Akademik**

Pernyataan		Frekuensi	Peratus
Aliran Akademik	Sains Tulen	65	49.6
	Sains Sosial	66	50.4
<b>Jumlah</b>		<b>131</b>	<b>100</b>

### Latar Belakang Responden Mengikut Lokasi Kediaman

Berdasarkan Jadual 1.10, kajian mendapati asrama merupakan lokasi utama penempatan responden iaitu seramai 122 orang atau 93.1%. Walaupun demikian, terdapat 9 orang atau 6.9% responden yang menjadikan rumah keluarga sebagai lokasi kediaman semasa belajar di MATRI. Faktor ini disebabkan pihak Ma'had menggalakkan semua pelajarinya tinggal di asrama.

**Jadual 1.10**  
**Taburan Responden Mengikut Lokasi Kediaman**

Pernyataan		Frekuensi	Peratus
<b>Lokasi Kediaman</b>	Asrama	122	93.1
	Rumah Keluarga	9	6.9
<b>Jumlah</b>		<b>131</b>	<b>100</b>

### Belakang Responden Mengikut Negeri

Jadual 1.11 menunjukkan profil responden mengikut negeri tempat tinggal responden. Daripada keseluruhan responden yang mengambil bahagian dalam kajian ini didapati 31 orang atau 23.7% berasal dari Perlis, diikuti oleh Kedah seramai 22 orang atau 16.8%. Selain itu, seramai 21 orang atau 16.0% dari Pulau Pinang, 16 orang atau 12.2% dari Perak, dan 15 orang atau 11.5% lagi dari Selangor. Manakala seramai 8 orang atau 6.1% masing-masing dari Johor dan Wilayah Persekutuan. Seterusnya, seramai 3 orang atau 2.3% dari Sarawak, 2 orang atau 1.5 peratus masing-masing dari Pahang dan Kelantan. Hanya seorang atau 0.8% masing-masing dari Terengganu, Thailand dan Indonesia. Dapatan ini memperlihatkan bahawa bilangan responden yang paling banyak iaitu melebihi 56.0% tinggal di wilayah utara Semenanjung. Ini juga menunjukkan secara holistiknya bahawa responden datang daripada pelbagai latar belakang mengikut negeri tempat tinggal asal mereka.

**Jadual 1.11**  
**Taburan Responden Mengikut Negeri Tempat Tinggal**

Pernyataan		Frekuensi	Peratus
<b>Negeri Tempat Tinggal</b>	Perlis	31	23.7
	Kedah	22	16.8
	Pulau Pinang	21	16.0
	Perak	16	12.2
	Selangor	15	11.5
	Wilayah Persekutuan	8	6.1
	Johor	8	6.1
	Sarawak	3	2.3
	Pahang	2	1.5
	Kelantan	2	1.5
	Terengganu	1	0.8
	Thailand	1	0.8
	Indonesia	1	0.8
	<b>Jumlah</b>	<b>131</b>	<b>100</b>



### Latar Belakang Responden Berdasarkan Pendidikan Ibu Bapa atau Penjaga

Jadual 1.12 menunjukkan taburan responden mengikut taraf pendidikan ibu bapa atau penjaga. Bagi taraf pendidikan bapa atau penjaga responden, didapati 83 orang atau 63.4% terdiri daripada lepasan ijazah atau universiti, diikuti 26 orang atau 19.8% yang mempunyai kelulusan diploma atau sijil. Sementara itu, 4 orang atau 3.1% memperoleh kelulusan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), 16 orang atau 12.2% pula mempunyai kelulusan peringkat SPM, seorang atau 0.8% merupakan lepasan pendidikan pondok dan seorang sahaja yang mempunyai Sijil Rendah Pelajaran (SRP). Tiada seorang pun yang tidak berpeluang bersekolah rendah atau tidak berpeluang bersekolah langsung.

Manakala taraf pendidikan ibu responden pula, didapati 55 orang atau 42.0% yang mempunyai kelulusan pada peringkat universiti, diikuti pula 44 orang atau 33.6% yang memperoleh kelulusan diploma atau sijil, 6 orang atau 4.6% yang mempunyai kelulusan STPM. Selain itu, 16 orang atau 12.2% yang mempunyai kelulusan peringkat SPM, seorang atau 0.8% sahaja yang merupakan lepasan pendidikan pondok, dan 2 orang atau 1.5% yang mempunyai SRP. Seterusnya, 6 orang atau 4.6% yang berpeluang bersekolah rendah, dan seorang atau 0.8% yang tidak berpeluang bersekolah. Dapatan menunjukkan bahawa 79.4% ibu bapa atau penjaga responden memiliki ijazah dan diploma. Ini juga menunjukkan bahawa taraf sosioekonomi ibu bapa responden dapat dikategorikan berada pada peringkat yang baik dan memuaskan.

**Jadual 1.12**  
**Taburan Responden Berdasarkan Pendidikan Ibu Bapa atau Penjaga**

Pernyataan	Pendidikan Bapa		Pendidikan Ibu	
	Frekuensi	Peratus	Frekuensi	Peratus
Ijazah, Sarjana, Ph.D	83	63.4	55	42.0
Diploma, Sijil	26	19.8	44	33.6
STPM/HSC	4	3.1	6	4.6
SPM/SPMV/MCE	16	12.2	16	12.2
Pondok	1	0.8	1	0.8
SRP/LCE	1	0.8	2	1.5
Sekolah Rendah	-	-	6	4.6
Tidak Bersekolah	-	-	1	0.8
Jumlah	131	100	131	100

### Keputusan Bahasa Arab Komunikasi PMR

Jadual 1.13 menunjukkan taburan responden mengikut gred pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi bagi peperiksaan PMR. Dalam peperiksaan PMR 2006, seramai 23 orang responden atau 17.6% memperoleh gred A, diikuti 11 orang atau 8.4% mendapat gred B. Sementara itu, 13 orang atau 9.9% memperoleh gred C, 12 orang atau 9.2% pula mendapat gred D, dan 3 orang atau 2.3% memperoleh gred E.

Manakala dalam peperiksaan PMR 2007 pula, seramai 27 orang responden atau 20.6% memperoleh gred A, diikuti oleh 14 orang atau 10.7% mendapat gred B. Selain itu, 11 orang atau 8.4% memperoleh gred C, 17 orang atau 13.0% memperoleh gred D dan tiada responden mendapat gred E. Dapatan ini menggambarkan bahawa sampel terdiri daripada para pelajar yang mempunyai latar belakang pembelajaran Bahasa Arab sebelum mempelajari

bahasa itu pada peringkat menengah iaitu Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima. Ini juga menunjukkan bahawa responden mempunyai prestasi pencapaian yang positif dalam mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi mengikut skor gred peperiksaan PMR yang berpandukan tahun peperiksaan yang diambil.

**Jadual 1.13**  
**Taburan Responden Mengikut Keputusan BAK dalam PMR 2006 dan 2007**

Pernyataan	Keputusan	Tahun 2006		Tahun 2007	
		Frekuensi	Peratus	Frekuensi	Peratus
Keputusan Bahasa Arab Komunikasi PMR	Gred A	23	17.6	27	20.6
	Gred B	11	8.4	14	10.7
	Gred C	13	9.9	11	8.4
	Gred D	12	9.2	17	13.0
	Gred E	3	2.3	-	-
<b>Jumlah</b>		<b>62</b>	<b>47.3</b>	<b>69</b>	<b>52.7</b>

### **Analisis Latar Belakang Responden Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab**

Dalam kajian ini, penulis membentangkan analisis item yang berkaitan dengan latar belakang responden terhadap pembelajaran Bahasa Arab dari segi dorongan pemilihan terhadap sekolah aliran agama, minat dalam pembelajaran Bahasa Arab, dan semangat belajar Bahasa Arab di dalam kelas. Item-item tersebut adalah seperti berikut:

#### **Dorongan Pemilihan Pelajar Terhadap Sekolah Aliran Agama**

Jadual 1.14, memperlihatkan dapatan kajian mengenai pendorong utama bagi responden yang cenderung dalam membuat pemilihan belajar di sekolah aliran agama. Hasil analisis ini menunjukkan seramai 78 orang responden atau 59.5% didorong oleh pilihan sendiri, diikuti pilihan ibu bapa atau penjaga seramai 45 orang atau 34.4%. Seterusnya, seramai 3 orang atau 2.3% yang menunjukkan hasil dorongan guru dan 4 orang atau 3.1% didorong oleh saudara mara. Hanya seorang sahaja atau 0.8% yang menunjukkan didorong oleh rakan sebaya. Dapatan ini menggambarkan bahawa faktor sendiri merupakan pendorong utama yang merangsang pelajar memilih sekolah aliran agama. Faktor ini juga dikenali sebagai faktor intrinsik.

**Jadual 1.14**  
**Dapatan Kajian Berkenaan Pendorong Utama Pemilihan Sekolah Agama**

Pernyataan		Frekuensi	Peratus
<b>Pendorong utama pemilihan sekolah Agama</b>	Pilihan sendiri	78	59.5
	Ibu bapa/penjaga	45	34.4
	Guru	3	2.3
	Saudara mara	4	3.1
	Rakan sebaya	1	0.8
<b>Jumlah</b>		<b>131</b>	<b>100</b>

### Minat dalam Pembelajaran Bahasa Arab

Kajian ini dilakukan untuk meninjau latar belakang pelajar terhadap minat dalam pembelajaran Bahasa Arab mengikut frekuensi dan peratus responden. Daripada Jadual 1.15, didapati responden memberi respon yang menggalakkan terhadap item ini iaitu seramai 117 responden atau 89.3% yang berminat atau bersetuju dengan item ini, hanya seramai 14 orang atau 10.7% sahaja yang tidak berminat mempelajari Bahasa Arab. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa tahap minat responden terhadap pembelajaran Bahasa Arab boleh dianggap berada pada tahap yang tinggi.

**Jadual 1.15**  
**Dapatan kajian Berkaitan Minat Responden dalam Pembelajaran Bahasa Arab**

Pernyataan		Frekuensi	Peratus
Meminati mata pelajaran bahasa Arab	Ya	117	89.3
	Tidak	14	10.7
Jumlah		131	100

### Semangat Mempelajari Bahasa Arab di dalam Bilik Darjah

Jadual 1.16, menunjukkan hasil tinjauan terhadap semangat mempelajari Bahasa Arab responden di dalam kelas berdasarkan kepada frekuensi dan peratusan yang dijalankan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa hanya 32 orang atau 24.4% responden yang tidak bersemangat mempelajari mata pelajaran Bahasa Arab. Majoriti responden iaitu seramai 99 orang atau 75.6% masih bersemangat belajar Bahasa Arab di dalam bilik darjah. Ini memperlihatkan bahawa semangat responden masih pada tahap yang baik dan mungkin boleh ditingkatkan semasa proses pembelajaran Bahasa Arab dijalankan secara formal di dalam bilik darjah. Menerusi kaedah dan teknik pengajaran yang efektif sudah pasti akan dapat merangsang semangat belajar Bahasa Arab.

**Jadual 1.16**  
**Dapatan Kajian Mengenai Semangat dalam Pembelajaran Bahasa Arab**

Pernyataan		Frekuensi	Peratus
Bersemangat belajar Bahasa Arab di dalam bilik darjah	Ya	99	75.6
	Tidak	32	24.4
Jumlah		131	100

### Analisis Faktor-Faktor yang Menjana Motivasi dan Pendorong Terhadap Pencapaian BAK Responden

Dalam kajian ini, penulis menganalisis item mengenai faktor-faktor yang mendorong motivasi dan pencapaian responden terhadap mata pelajaran BAK dalam peperiksaan PMR. Item-item tersebut dikelaskan mengikut sub-topik seperti berikut:

## **Faktor-Faktor yang Menjana Motivasi Tersedia Ada pada Pelajar dalam Pembelajaran Bahasa Arab**

Penulis telah menyediakan beberapa item untuk menguji faktor-faktor yang mendorong dan membangkitkan motivasi responden dalam pembelajaran Bahasa Arab. Dapatan kajian disenaraikan mengikut peratusan dan min seperti dalam Jadual 1.17.

**Jadual 1.17**  
**Faktor yang Menjana Motivasi Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab**

Bil.	Pernyataan	Peratus %					Min
		STS	TS	TP	S	SS	
1	Ingin mendapat keputusan cemerlang bagi subjek Bahasa Arab dalam SPM	1.5%	-	3.8%	18.3%	76.3%	4.68
2	Minat terhadap bahasa al-Quran	1.5%	-	3.8%	30.5%	64.1%	4.56
3	Ingin merebut peluang belajar Bahasa Arab berbanding bahasa asing lain	-	3.1%	3.8%	28.2%	64.9%	4.55
4	Dorongan ibu bapa	1.5%	1.5%	11.5%	48.9%	36.6%	4.18
5	Harapan ahli keluarga	1.5%	10.7%	13.7%	39.7%	34.4%	3.95
6	Hubungan yang mesra dan erat dengan guru	1.5%	10.7%	38.2%	33.6%	16.0%	3.52
7	Menyambung pelajaran dalam bidang Pengajian Islam dan Bahasa Arab	6.1%	13.0%	41.2%	14.5%	25.2%	3.40
8	Kerjaya dalam bidang Bahasa Arab	13.0%	20.6%	35.1%	13.7%	17.6%	3.02
9	Pengaruh rakan sebaya	13.7%	27.5%	28.2%	26.0%	4.6%	2.80
<b>Min Keseluruhan</b>							<b>3.85</b>

(Skala Penilaian : STS = Sangat Tidak Setuju, TS = Tidak Setuju, TP = Tidak Pasti, S = Setuju dan SS = Sangat Setuju)

Jadual 1.17, menunjukkan faktor-faktor yang menjana motivasi terhadap pembelajaran Bahasa Arab responden mengikut susunan dimensi item bagi min yang tertinggi hingga min yang terendah. Dapatan kajian menunjukkan purata min keseluruhan item ini adalah pada paras 3.85. Kajian mendapati faktor ingin mendapat keputusan cemerlang bagi mata pelajaran Bahasa Arab dalam SPM merupakan faktor utama yang merangsang motivasi dalam pembelajaran Bahasa Arab. Ini dibuktikan apabila ia merupakan pilihan utama responden dengan purata nilai min sebanyak 4.68. Hasil analisis item ini mendapati sebanyak 76.3% responden sangat bersetuju memilih faktor tersebut, diikuti 18.3% bersetuju, 3.8% memilih tidak pasti, 1.5% pula sangat tidak bersetuju dan tiada respon untuk jawapan tidak bersetuju. Dapatan ini menunjukkan bahawa responden ingin berjaya dengan cemerlang dalam SPM, khasnya untuk subjek BAT.

Item minat terhadap bahasa al-Quran pula mencatat nilai min sebanyak 4.56. Analisis item ini mendapati 64.1% responden memilih jawapan sangat bersetuju. Peratus responden yang memilih jawapan bersetuju sebanyak 30.5%. Manakala jumlah responden menjawab tidak pasti sebanyak 3.8%. Tiada responden yang memilih jawapan tidak setuju. Walaupun begitu, 1.5% responden merasakan mereka sangat tidak bersetuju dengan item ini. Hal ini menunjukkan kebanyakan pelajar berminat dengan bahasa al-Quran. Ini membuktikan bahawa kedudukan Bahasa Arab yang menjadi bahasa al-Quran al-Kari:m mendorong pelajar untuk mempelajari bahasa itu.

Manakala, item ingin merebut peluang mempelajari Bahasa Arab berbanding bahasa asing lain menunjukkan nilai min sebanyak 4.55. Analisis item ini mendapati bahawa 64.9% responden yang memberikan jawapan sangat bersetuju. Sebanyak 28.2% pula telah memberikan jawapan bersetuju. Jika dicampur peratus sangat setuju dan setuju, menjadikan sebanyak 93.1% dalam kalangan pelajar mengatakan mereka lebih cenderung terhadap belajar Bahasa Arab berbanding dengan bahasa asing lain di dalam bilik darjah. Selain itu, peratusan responden yang memberi jawapan tidak pasti adalah sebanyak 3.8%, sebanyak 3.1% responden memilih jawapan tidak bersetuju dan tiada seorang pelajar pun memberikan jawapan sangat tidak bersetuju.

Dapatan kajian menggambarkan bahawa ketiga-tiga item tersebut yang merupakan faktor-faktor yang menjana motivasi pelajar berada dalam kumpulan nilai min yang maksimum. Dapatan ini menunjukkan faktor-faktor ini lahir daripada dorongan dalaman pelajar atau dipanggil juga motivasi intrinsik.

Di samping itu, terdapat juga faktor-faktor lain yang mendorong motivasi terhadap pembelajaran Bahasa Arab responden iaitu item mengenai dorongan yang kuat daripada ibu bapa yang mendapat nilai min sebanyak 4.18. Hasil analisis daripada item ini didapati sebanyak 36.6% responden memberi jawapan sangat bersetuju, manakala peratus yang memilih jawapan bersetuju pula didapati jumlah yang agak besar iaitu sebanyak 48.9%. Ini bererti sekurang-kurangnya sebanyak 85.5% responden mendapat galakan daripada ibu bapa mereka untuk belajar Bahasa Arab. Analisis item ini juga mendapati sebanyak 11.5% responden memberi jawapan tidak pasti. Sebanyak 1.5% masing-masing memberi jawapan tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju. Dapatan ini menggambarkan bahawa ibu bapa orang yang penting untuk membangkitkan dorongan dan motivasi terhadap anak mereka dalam pembelajaran Bahasa Arab kerana mereka adalah orang yang paling hampir dengan responden.

Item harapan daripada ahli keluarga pula, memberi sumbangan min sebanyak 3.95. Analisis item ini mendapati sebanyak 34.4% responden memberikan jawapan sangat bersetuju. Sebanyak 39.7% pula telah memilih jawapan bersetuju. Peratus responden yang memilih tidak pasti pula adalah sebanyak 13.7%. Manakala peratus yang memilih tidak bersetuju pula sebanyak 10.7%. Selebihnya sebanyak 1.5% memilih sangat tidak setuju. Hal ini menunjukkan bahawa faktor dorongan ahli keluarga juga amat penting bagi pelajar untuk mendorong dan merangsang mereka belajar Bahasa Arab.

Selain itu, item mengenai hubungan yang mesra dan erat antara guru dengan pelajar mencatatkan nilai min sebanyak 3.52. Hasil daripada analisis item ini mendapati bahawa sebanyak 16.0% responden yang memilih jawapan sangat setuju, diikuti sebanyak 33.6% yang memilih jawapan setuju. Manakala, sebanyak 38.2% memberi jawapan tidak pasti. Sebanyak 10.7% responden memilih jawapan tidak bersetuju dan sebanyak 1.5% pula memberikan jawapan sangat tidak setuju. Secara keseluruhannya ketiga-tiga item ini turut sama memberi impak yang positif terhadap motivasi dalam pembelajaran Bahasa Arab pelajar. Item jenis ini juga dikenali faktor-faktor dorongan luaran pelajar atau motivasi ekstrinsik.

Seterusnya, item berkenaan menyambung pelajaran dalam bidang Pengajian Islam dan Bahasa Arab merekod nilai min sebanyak 4.40. Hasil daripada analisis item ini menunjukkan bahawa hanya sebanyak 39.7% responden sahaja yang memilih jawapan sangat setuju dan bersetuju. Daripada peratus tersebut, terdapat sebanyak 25.2% responden yang memilih jawapan sangat bersetuju. Manakala, sebanyak 14.5% yang memilih bersetuju. Sebanyak 41.2% responden memilih jawapan tidak pasti. Jumlah ini boleh dikatakan agak besar yang menunjukkan bahawa terdapat hampir 41% yang masih belum membuat keputusan untuk memilih jurusan dalam bidang Pengajian Islam dan Bahasa Arab semasa mereka sedang belajar di Tingkatan Empat atau Tingkatan Lima. Sebanyak 13.0% yang memilih jawapan tidak bersetuju. Manakala 6.1% yang lain pula memilih jawapan sangat tidak bersetuju.

Sehubungan itu, item yang berkaitan memilih kerjaya dalam bidang Bahasa Arab menyumbang min sebanyak 3.02. Hasil analisis item ini mendapati bahawa sebanyak 17.6% responden yang memilih sangat bersetuju dan sebanyak 13.7% responden yang memberikan jawapan bersetuju. Namun, sebanyak 35.1% responden memberi respon jawapan tidak pasti. Sebanyak 20.6% pula memilih jawapan tidak setuju. Selebihnya sebanyak 13.0% memilih jawapan sangat tidak bersetuju. Ini menunjukkan bahawa hampir 35% responden yang belum memberi kata putus untuk mereka memilih kerjaya dalam bidang Bahasa Arab. Namun, terdapat sebilangan pelajar mempunyai cita-cita untuk menjadi tenaga pengajar Bahasa Arab, pensyarah Bahasa Arab dan lain-lain. Sebenarnya, faktor ini juga turut memberi dorongan yang positif dalam kalangan pelajar untuk mempelajari Bahasa Arab.

Manakala, item pengaruh rakan sebaya memberi nilai min sebanyak 2.80. Hasil analisis mendapati bahawa 4.6% responden memberi jawapan sangat setuju. Manakala 26.0% lagi memilih jawapan bersetuju. Jumlah kedua-dua jawapan tersebut menjadikan hampir 30% pelajar menyatakan mereka bersedia mendapat dorongan secara tidak langsung daripada rakan-rakan mereka untuk belajar Bahasa Arab. Sebanyak 28.2% pula responden memilih jawapan tidak pasti. Manakala 27.5% yang lain pula memilih tidak bersetuju. Selebihnya sebanyak 13.7% memberikan jawapan sangat tidak bersetuju. Namun, secara keseluruhannya didapati hampir 41% pelajar yang tidak menganggap bahawa diri mereka didorong oleh rakan sebaya sebagai faktor utama untuk belajar Bahasa Arab.

### **Faktor-Faktor Pendorong Terhadap Pencapaian BAK Responden**

Kajian ini dijalankan untuk meninjau faktor-faktor yang mendorong pencapaian pelajar dalam mata pelajaran BAK pada peringkat PMR. Jadual 1.18 menunjukkan dapatan kajian yang dilakukan mengikut taburan frekuensi, peratusan dan purata min.

**Jadual 1.18**  
**Dapatan Kajian Mengenai Pendorong Pencapaian Keputusan BAK**

No. Item	Pernyataan	Frekuensi / Peratus %					Min
		STS	TS	TP	S	SS	
a	Kesungguhan dan keazaman sendiri	2 1.5%	7 5.3%	23 17.6%	44 33.6%	55 42.0%	4.09
b	Sokongan ibu bapa dan guru	1 0.8%	5 3.8%	17 13.0%	49 37.4%	59 45.0%	4.22
c	Desakan untuk mendapat gred A	16 12.2%	23 17.6%	22 16.8%	28 21.4%	42 32.1%	3.44

d	Usaha dan tawakal	1 0.8%	2 1.5%	11 8.4%	37 28.2%	80 61.1%	4.47
<b>Min Keseluruhan</b>							4.06

(Skala Penilaian : STS = Sangat Tidak Setuju, TS = Tidak Setuju, TP = Tidak Pasti, S = Setuju dan SS = Sangat Setuju)

Berdasarkan Jadual 1.18 di atas, didapati faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian responden bagi BAK dalam peperiksaan PMR berdasarkan pernyataan yang dikemukakan berada pada tahap yang amat baik atau berada di paras sangat setuju. Hal ini dapat dibuktikan apabila kajian mendapati nilai min keseluruhan yang diperoleh berada pada paras 4.06. Semua item yang diuji mencatat nilai min di antara 4.47 hingga 3.44. Seterusnya, dapatan kajian bagi item a, b, c, dan item d telah dianalisis seperti berikut:

Item (a) memperlihatkan seramai 55 responden atau 42.0% sangat bersetuju dan 44 orang atau 33.6% bersetuju bahawa faktor ini yang mempengaruhi pencapaian mereka dalam BAK berdasarkan prestasi mata pelajaran itu dalam peperiksaan PMR. Sementara itu, 23 orang atau 17.6% daripada mereka hanya menyatakan tidak pasti dengan kenyataan ini. Terdapat 7 orang atau 5.3% responden tidak bersetuju dan 2 orang atau 1.5% sangat tidak bersetuju bahawa kesungguhan dan keazaman sendiri boleh membantu pencapaian dalam BAK. Hal ini menunjukkan bahawa kesungguhan dan keazaman seseorang memberikan impak terhadap kejayaan yang dicapai oleh pelajar. Min bagi item ini ialah sebanyak 4.09. Ini membuktikan bahawa persetujuan responden terhadap item ini berada pada paras yang tinggi atau pada skala sangat setuju.

Item (b) pula menunjukkan seramai 59 responden atau 45.0% sangat bersetuju dan 49 orang atau 37.4% lagi mengatakan setuju. Sementara itu seramai 17 responden atau 13.0% yang tidak pasti. Jumlah responden yang memberikan respon tidak setuju pula seramai 5 orang atau 3.8%. Hanya seorang atau 0.8% sahaja yang memilih jawapan sangat tidak setuju. Catatan min bagi item ini ialah sebanyak 4.22. Ini bermakna kecenderungan ke arah persetujuan responden terhadap item sokongan ibu bapa dan guru pada paras tinggi atau pada skala sangat setuju. Seterusnya, berdasarkan item (c) iaitu faktor desakan untuk mendapat gred A dalam mata pelajaran BAK, kajian mendapati seramai 42 orang responden atau 32.1% sangat bersetuju dan seramai 28 orang atau 21.4% bersetuju dengan pernyataan ini. Terdapat seramai 22 orang responden atau 16.8% yang tidak pasti bahawa desakan gred A mendorong pencapaian dalam BAK mereka. Sementara itu, responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan ini seramai 23 orang atau 17.6% dan yang menyatakan sangat tidak bersetuju pula seramai 16 orang atau 12.2%. Secara keseluruhan nilai min yang diperoleh adalah 3.44. Hal ini menunjukkan bahawa persetujuan responden terhadap pernyataan ini berada pada paras yang sederhana tinggi atau pada skala setuju.

Item (d) memaparkan seramai 80 orang responden atau 61.1% mengatakan sangat setuju dan 37 orang atau 28.2% setuju terhadap item yang telah dikemukakan. Manakala 11 orang atau 8.4% memberi respon tidak pasti, 2 orang atau 1.5% mengatakan tidak setuju dan hanya seorang responden atau 0.8% memberikan jawapan sangat tidak setuju. Min yang dicatatkan adalah sebanyak 4.47. Berdasarkan kepada nilai min item ini menunjukkan persetujuan responden pada paras yang tinggi atau pada skala sangat setuju. Dalam kata lain, nilai min item ini menunjukkan bahawa elemen usaha dan doa seseorang pelajar kepada yang Maha Esa sebagai faktor utama antara faktor-faktor yang dikemukakan dalam pernyataan ini yang turut menyumbang terhadap pencapaian yang positif dalam mata pelajaran BAK.

### **Analisis Pendekatan Motivasi dalam Pembelajaran Bahasa Arab**

Dalam sub-tajuk kajian ini, penulis membentangkan dapatan kajian daripada hasil analisis mengenai tinjauan terhadap jenis-jenis pendekatan motivasi yang mendorong pembelajaran

Bahasa Arab berdasarkan purata min dan sisihan piawai. Manakala, penghujahan terhadap dapatan kajian ini turut disisipkan bersama-sama dengan analisis peratusan berdasarkan output statistik deskriptif (lihat Lampiran C2 dan C4). Seterusnya, analisis jenis-jenis pendekatan motivasi tersebut dibahagikan kepada lima bahagian sub-topik seperti berikut:

### Pendekatan Motivasi Intrinsik

Dapatan kajian mengenai analisis item-item pendekatan motivasi intrinsik dalam pembelajaran Bahasa Arab disenaraikan dalam Jadual 1.19.

**Jadual 1.19**  
**Analisis Dimensi Item Pendekatan Motivasi Intrinsik**

No. Item	Penyataan	Frekuensi	Min	Sisihan Piawai
9	Berminat belajar Bahasa Arab walaupun tidak bercadang memilih Pengajian Islam dan Bahasa Arab	131	4.05	1.04
10	Akan lebih berminat jika guru memuji kebolehan belajar Bahasa Arab	131	3.31	1.14
11	Suka atasi halangan untuk mengelak kegagalan dalam subjek Bahasa Arab	131	4.47	0.66
12	Rasa kurang selesa belajar Bahasa Arab apabila kawan mendapat keputusan yang lebih baik	131	3.73	1.23
13	Sering mengingatkan diri bahawa keputusan yang baik akan menjamin masa depan yang cemerlang	131	3.78	1.05
14	Rasa kecewa sekiranya tidak mendapat pencapaian yang baik dalam Bahasa Arab	131	4.33	0.85
15	Bersemangat belajar Bahasa Arab jika rakan sekelas sering memberi kerjasama dalam kerja berkumpulan	131	4.53	0.70
16	Menggunakan kekuatan dalaman diri untuk mengatasi kelemahan dalam pembelajaran Bahasa Arab	131	4.05	0.85
		131	4.03	0.53

Jadual 1.19 menunjukkan sisihan piawai dan min bagi item yang berkenaan dengan pendekatan motivasi intrinsik iaitu item 9 hingga item 16. Item (9) yang mempunyai sisihan piawai sebanyak 1.04 menunjukkan nilai min 4.05. Kajian menunjukkan responden (42.0% sangat bersetuju dan 33.6% setuju) berminat belajar Bahasa Arab walaupun mereka tidak bercadang memilih jurusan Pengajian Islam dan Bahasa Arab.

Bagi item (10) yang mencatatkan sisihan piawai sebanyak 1.14 menunjukkan nilai min 3.31. Ini bermakna hampir sebahagian responden bersetuju dengan item ini. Hal ini menunjukkan bahawa responden (hanya 16.0% sangat bersetuju dan 30.5% setuju) bersetuju



bahawa kata-kata pujian yang diungkap terhadap kebolehan mereka turut mendorong minat belajar Bahasa Arab yang berjalan di dalam kelas. Namun, sebanyak 29.0% responden pula tidak beberapa pasti dengan item ini. Hal ini menunjukkan juga bahawa ciri minat seseorang pelajar mungkin dipengaruhi oleh pelbagai faktor yang lain.

Selanjutnya, item (11) pula memaparkan sisihan piawai 0.66 dan nilai min sebanyak 4.47. Ini menunjukkan kebanyakan responden (92.3% pelajar iaitu 55.7% sangat setuju dan 36.6% setuju) akan berusaha mengatasi segala halangan yang boleh menggagalkan keputusan mata pelajaran Bahasa Arab mereka.

Item nombor (12) pula merekodkan sisihan piawai sebanyak 1.23 menunjukkan nilai min 3.73. Ini bermaksud responden (33.6% sangat setuju dan 30.5% setuju) masih memberi respon yang positif dengan item ini. Malah, mereka rasa kurang menyenangkan jika rakan-rakan mereka mendapat keputusan yang lebih baik dalam mata pelajaran Bahasa Arab. Hal ini juga menyebabkan timbul desakan dalaman pelajar untuk bersaing antara satu sama lain bagi mencapai prestasi yang terbaik.

Bagi item (13) menunjukkan sisihan piawai sebanyak 1.05 dan mencatatkan nilai min sebanyak 3.78. Ini menggambarkan bahawa masih ramai pelajar (29.0% sangat setuju dan 33.6% setuju) sering mengingatkan diri mereka tentang pencapaian yang cemerlang dalam subjek Bahasa Arab akan menjamin masa depan yang cerah dalam hidup mereka.

Manakala, item nombor (14) yang mempunyai catatan sisihan piawai sebanyak 0.85 menunjukkan nilai min 4.33. Hal ini menunjukkan bahawa responden (88.6% pelajar iaitu 50.4% sangat setuju dan 38.2% setuju) yang tidak mendapat pencapaian yang baik akan berasa kecewa dan dukacita terhadap kegagalan dalam mata pelajaran Bahasa Arab.

Item (15) pula memperlihatkan sisihan piawai sebanyak 0.70 dan nilai min 4.53. Ini menunjukkan kebanyakan responden (93.9% pelajar iaitu 62.6% sangat bersetuju dan 31.3% setuju) mengaku mereka akan lebih bersemangat belajar Bahasa Arab apabila rakan sekelas selalu memberi kerjasama dalam gerak kerja berkumpulan.

Bagi item nombor (16) yang merekodkan sisihan piawai sebanyak 0.85 menunjukkan nilai min 4.05. Hal ini menunjukkan lebih separuh responden (35.1% sangat setuju dan 37.4% setuju) percaya bahawa mereka menggunakan kekuatan dalaman untuk mengatasi segala masalah yang berpunca daripada kelemahan mereka sendiri agar dapat menghadapi cabaran dalam pembelajaran Bahasa Arab. Catatan min keseluruhan bagi dimensi item ini ialah sebanyak 4.03. Ini menunjukkan bahawa motivasi jenis ini dianggap penting kerana ia dapat membangkitkan dorongan dan memberi tenaga intrinsik untuk melakukan tindakan pembelajaran yang bermakna bagi mencapai matlamat pembelajaran Bahasa Arab.

### **Pendekatan Motivasi Ekstrinsik**

Dapatan kajian mengenai tinjauan terhadap pendekatan motivasi ekstrinsik dalam pembelajaran Bahasa Arab disenaraikan dalam Jadual 1.20 seperti berikut:

**Jadual 1.20**  
**Analisis Dimensi Item Pendekatan Motivasi Ekstrinsik**

<b>No. Item</b>	<b>Penyataan</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>
17	Ganjaran dan pujian menggalakkan belajar Bahasa Arab	131	3.33	1.29
18	Mudah mendapat sanjungan apabila dapat melakukan tugas yang baik dalam pembelajaran Bahasa Arab	131	2.73	1.04

19	Suasana dan persekitaran yang baik di dalam bilik darjah meningkatkan semangat belajar Bahasa Arab	131	3.82	1.10
20	Kerjasama dalam kalangan rakan-rakan sekelas memudahkan pelaksanaan tugas subjek Bahasa Arab	131	4.28	0.95
21	Galakkan daripada guru dan ibu bapa adalah penting dalam pembelajaran Bahasa Arab	131	4.52	0.76
22	Hubungan yang mesra dan erat dengan guru memajukan pembelajaran Bahasa Arab	131	4.10	0.85
23	Ibubapa menggalakkan belajar Bahasa Arab semenjak di sekolah rendah	131	3.88	1.25
24	Ibu bapa bertanyakan perkembangan pelajaran Bahasa Arab dan menasihati keputusan yang merosot	131	3.88	1.11
		131	3.82	0.58

Merujuk Jadual 1.20 di atas, dapatan kajian memperlihatkan nilai min dan sisihan piawai bagi elemen pendekatan motivasi ekstrinsik. Item nombor (17) yang memaparkan sisihan piawai 1.29 menunjukkan nilai min sebanyak 3.33. Kajian menunjukkan bahawa hampir separuh dalam kalangan responden iaitu sebanyak 48.1% di mana 24.4% sangat bersetuju dan 23.7% setuju dengan pernyataan ini. Ini juga menggambarkan ganjaran dan pujian mungkin boleh digunakan sebagai wasilah yang mendorong pembelajaran Bahasa Arab.

Bagi item (18) pula mencatatkan sisihan piawai sebanyak 1.04 dan nilai min 2.73. Item ini mencatat purata min pada paras yang paling minimum di antara item-item kumpulan ini. Dapatan menunjukkan bahawa sebanyak 13.0% responden sangat tidak setuju dan 26.7% pula tidak setuju.

Manakala, sebanyak 39.7% responden yang cenderung kepada jawapan tidak pasti. Ini bermakna responden yang melakukan tugas yang baik dalam pembelajaran Bahasa Arab kurang berminat untuk disanjung oleh sesiapa. Mafhum di sebalik dapatan peratusan ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden lebih mengutamakan untuk mencapai kepuasan sendiri dan keredhaan ilahi daripada mendapat sanjungan guru atau rakan sekelas.

Selanjutnya, item (19) memaparkan sisihan piawai 1.10 dan nilai min sebanyak 3.82. Hal ini menunjukkan lebih separuh responden (32.8% sangat bersetuju dan 32.1% setuju) percaya bahawa suasana dan persekitaran yang baik di dalam bilik darjah boleh meningkatkan semangat mereka terhadap pembelajaran Bahasa Arab.

Item nombor (20) pula yang merekodkan sisihan piawai sebanyak 0.95 menunjukkan nilai min 4.28. Ini bermaksud responden (52.7% sangat setuju dan 31.3% setuju) lebih cenderung ke arah sangat bersetuju dengan item ini. Mereka percaya bahawa kerjasama dalam kalangan pelajar akan memudahkan tugas Bahasa Arab yang ditakliffkan oleh guru.

Item (21) menunjukkan sisihan piawai sebanyak 0.76 dan merekodkan nilai min sebanyak 4.52. Ini menggambarkan bahawa peranan yang dimainkan oleh guru dan ibu bapa pelajar adalah sangat penting untuk memacu pembelajaran Bahasa Arab mereka. Ini dapat dibuktikan sebanyak 63.4% sangat bersetuju dan 29.0% setuju dengan item tersebut.

Manakala, item nombor (22) yang mempunyai catatan sisihan piawai sebanyak 0.85 menunjukkan nilai min 4.10. Hal ini menunjukkan responden (79.4% di mana 35.9% sangat setuju dan 43.5% setuju) percaya bahawa hubungan yang mesra dan erat dengan guru Bahasa Arab boleh merangsang kemajuan mereka dalam mata pelajaran itu.

Item (23) pula memperlihatkan sisihan piawai sebanyak 1.25 dan nilai min 3.88. Ini menunjukkan responden (43.5% sangat setuju dan 23.7% setuju) mengaku bahawa ibu bapa menggalakkan mereka belajar Bahasa Arab semenjak di sekolah rendah lagi.

Manakala item nombor (24) yang merekodkan sisihan piawai sebanyak 1.11 menunjukkan nilai min 3.88. Ini bermakna responden lebih cenderung ke arah persetujuan di mana sebanyak 37.4% sangat setuju dan 29.8% setuju bahawa ibu bapa mereka sentiasa bertanyakan perkembangan pelajaran Bahasa Arab di sekolah. Malah, ibu bapa mereka juga turut sama memberi nasihat apabila prestasi anak-anak mereka yang merosot. Min keseluruhan yang direkod bagi item ini adalah 3.82. Ini membuktikan bahawa sebilangan besar para pelajar merasakan mereka perlu kepada faktor-faktor ekstrinsik yang dapat mengukuhkan motivasi mereka dalam proses pembelajaran Bahasa Arab.

## **IMPLIKASI KAJIAN**

Kajian ini menimbulkan beberapa implikasi kepada para pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Arab di dalam bilik darjah. Pelajar yang mempunyai kepelbagaian pendekatan motivasi yang tinggi akan memiliki minat yang mendalam dan seterusnya mempengaruhi pencapaian pelajaran Bahasa Arab mereka. Motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik turut menunjukkan dorongan yang mendalam terhadap pembelajaran Bahasa Arab.

Oleh itu, seseorang guru yang menggunakan kedua-dua jenis motivasi ini sebagai domain pembangkit dan penggerak bagi memupuk minat pelajar akan berjaya dalam percubaannya. Ini kerana kedua-dua pendekatan motivasi tersebut mempunyai dorongan yang tinggi dan berkait rapat dengan pembelajaran Bahasa Arab. Oleh itu apabila guru mengaplikasikan motivasi jenis ini dalam pengajarannya, maka hasil pengajarannya adalah lebih bermakna dalam diri pelajar dan ini akan memberi kesan yang positif. Hal ini dapat dibuktikan apabila motivasi intrinsik dan ekstrinsik masing-masing merekodkan purata nilai min pada paras 4.03 dan 3.82.

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa motivasi intrinsik memainkan peranan penting dalam meningkatkan daya usaha dan desakan dalaman dalam proses pembelajaran Bahasa Arab. Seseorang individu pelajar yang mempunyai motivasi intrinsik yang tinggi akan berusaha sedaya upaya untuk mencapai kejayaan yang terbaik dalam pembelajarannya. Jadi, para pelajar Bahasa Arab perlulah meningkatkan motivasi intrinsiknya dengan berazam dan mengubah sikap ke arah kecemerlangan. Ini kerana seorang pelajar yang mempunyai motivasi intrinsik tinggi akan berjuang ke arah kejayaan, sanggup menerima cabaran untuk berhadapan dengan kehidupan yang berbagai-bagai ragam dan akan sentiasa mencapai impian.

Keputusan kajian juga mendapati faktor ekstrinsik atau faktor desakan luaran iaitu sokongan daripada ibu bapa dan guru terbukti merangsang motivasi pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Arab. Ini bermakna ibu bapa dan guru yang prihatin kepada anak didiknya akan mendorong sikap positif pelajar terhadap pembelajaran. Ini kerana sikap ibu bapa dan guru yang penyayang, suka berjenaka, mesra pelajar dan suka membantu, bersifat keibuan atau kebapaan didapati sangat mempengaruhi dan mendominasi motivasi pelajar terhadap memupuk minat mereka dalam pembelajaran Bahasa Arab.

Selain itu, peranan ibu bapa di rumah turut memberi implikasi terhadap motivasi pelajar dalam pembelajaran Bahasa Arab. Pelajar yang mempunyai ibu bapa yang mengambil

berat tentang pendidikan anak-anak di luar sekolah seperti pendidikan pengajian al-Quran didapati menunjukkan motivasi yang tinggi dalam pembelajaran Bahasa Arab. Dengan itu kesedaran ibu bapa terhadap segala peranan dan tanggungjawab mereka akan mendatangkan kesan positif terhadap perkembangan pendidikan bahasa Arab dan pencapaian mata pelajaran Bahasa Arab pelajar khususnya.

Sementara itu, ibu bapa juga dapat membantu memupuk afektif positif mengatasi afektif negatif terutama yang berkaitan dengan pembelajaran Bahasa Arab anak-anak mereka di rumah. Hal ini boleh dilakukan dengan menanamkan sikap daya tahan untuk menangani kesukaran belajar serta menanamkan tanggapan bahawa pelajaran itu sesuatu yang menyeronokkan, hari demi hari ke dalam fikiran dan minda anak-anak mereka. Yang jelas dapatan kajian ini mengukuhkan lagi dapatan bahawa ibu bapa sepatutnya menggalakkan anak-anak mereka mempelajari dan menguasai bahasa Arab terlebih dahulu, sebelum menekankan aspek pencapaian dalam pembelajaran Bahasa Arab, agar pembelajaran Bahasa Arab dalam kalangan anak-anak mereka tidak tertumpu kepada pembelajaran yang berorientasikan peperiksaan semata-mata.

Akhirnya, implikasi kajian ini diharap dapat menyedarkan ibu bapa, penggubal dasar, pentadbir dan guru-guru Bahasa Arab malah pelajar sendiri tentang peri pentingnya motivasi dalam pembelajaran Bahasa Arab.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya kajian ini telah menjawab soalan kajian dan mencapai objektif-objektif kajian yang telah ditetapkan. Dapatan kajian yang diperoleh dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada situasi semasa kajian dibuat. Adalah diharapkan melalui medium pembelajaran Bahasa Arab para pelajar dapat memperolehi ilmu pengetahuan dan nilai-nilai murni yang akan diaplikasikan dalam kehidupan yang ideal. Justeru, kita memerlukan satu mekanisme untuk menjadikan pembelajaran Bahasa Arab lebih bermakna dan efektif. Dengan demikian, motivasi merupakan salah satu mekanisme yang penting untuk membangkitkan dorongan intrinsik dan ekstrinsik pelajar ke arah mencapai matlamat dalam pembelajaran Bahasa Arab.

Kajian juga menunjukkan bahawa penggunaan pendekatan motivasi dalam pembelajaran Bahasa Arab berupaya membentuk pelajar yang bermotivasi tinggi serta berpotensi untuk meraih kejayaan yang dicita-citakan. Oleh demikian, segenap masyarakat dan tenaga pendidik mempunyai peranan untuk meningkatkan motivasi para pelajar dalam proses pembelajaran Bahasa Arab khususnya mahupun pelajaran lain amnya. Semoga usaha yang bermakna ini dapat merealisasikan matlamat yang murni bagi melahirkan insan yang cemerlang dari segi akademik, sahsiah dan terutamanya dari aspek ubudiyah dan keimanan terhadap pencipta bahasa al-Quran al-Karim itu sendiri. Akhirnya renungilah firman Allah s.w.t dalam ayat 11, surah Al-Ra'ad.

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ ۗ ... ﴿١١﴾

Maksud ayat :

*“Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri”*

## RUJUKAN

### RUJUKAN AL-QURAN AL-KARIM

*Mushaf Malaysia Rasm Uthmani Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran.*  
Kuala Lumpur : Darulfikir

### RUJUKAN ARAB

- ‘Abd al-Majid Sayyid Ahmad Manşūr, Muḥammad bin ‘Abd al-Muḥsin al-Tuwayjiriyy & Isma‘īl Muḥammad al-Faqiyy. (2004). *‘Ilm al-Nafs al-Tarbawiyy.* Riyad : Maktabat al-‘Abi:ka:n.
- Brown, H. Douglas. (1994). *Usus Ta‘allum al-Lughat wa Ta‘li:miha.* (trj ‘Abduh al-Ra:jiḥi: & ‘Aliyy ‘Aliyy Ahmad Sha‘ba:n). Beirut : Da:r al-Nahḍat al-‘Arabiyyat.
- Maḥmu:d Ka:mil al-Na:qaṭ. (1985). *Bara:mij Ta‘ali:m al-‘Arabiyyat li al-Muslimi:n al-Na:tiqi:n bi al-Lugha:t al-Ukhra: fi: ‘Dau;’ Dawa:fi‘him.* Ummulqura : Ma‘had al-Lughat al-‘Arabiyyat bi Ja:mi‘at Umm al-Qura:
- Maḥyy al-Di:n Tu:q, Yu:suf al-Qaṭa:miyy & ‘Abd al-Raḥma:n ‘Adas. (2003). *Usus ‘Ilm al-Nafs al-Tarbawiyy.* Amman : Da:r al-Fikr li al-Ṭiba:‘at wa al-Nashr wa al-Ta:uzi:‘.
- Osman Haji Khalid et al. (2004). *Kamus Besar Arab-Melayu Dewan.* Edisi Pertama. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

### RUJUKAN BUKAN ARAB

- Abdullah Othman. (2002). *Persepsi Pelajar Terhadap Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pembelajaran Mata Pelajaran Sains.* Disertasi Ijazah Sarjana Sains. Universiti Utara Malaysia.
- Ainon Mohd. (2003). *Teori Motivasi di Tempat Kerja.* Bentong : Pts Publications & Disrtibutor Sdn. Bhd.
- Ainon Mohd. & Abdullah Hassan (2005). *Kamus Inggeris – Melayu untuk Penterjemah.* Bentong : PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Ames, R. & Ames, C. (1984). *Research on Motivation in Education.* Orlando, Florida : Academic Press, Inc.
- Awang Sudjai Huirul. (1984). *Kamus Lengkap.* Singapura : Preston Corporation (Pte) Ltd.
- Brown, H. Douglas. (1980). *Principle of Foreign Language Learning and Teaching.* Englewood Cliffs : Prentice Hall.
- Christopher Bowering-Carr dan John West-Burnham. (1999). *Pembelajaran Berkesan di Sekolah – Bagaimana Menyepadukan Pembelajaran dan Kepemimpinan untuk Menghasilkan Sekolah yang Berjaya.* (trj. Annuar Ayub). Kuala Lumpur : Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Gazilah Mohd. Isa. (2005). *Gaya Pembelajaran Pelajar Dan Hubungannya Dengan Pencapaian Bahasa Arab Komunikasi.* Disertasi Sarjana Pengajian Bahasa Moden, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Ghazali Saad. (2004). *Pendidikan Remaja Muslim : Kajian Tentang Sejarah Dan Pelaksanaannya Di Ma‘had Attarbiyah Al-Islamiyah, Beseri, Perlis.* Disertasi Sarjana Usuluddin, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2003). *Keprihalan Dasar Dan Prinsip Kurikulum Semakan Tahun 2003.* Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral : Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam Dan Moral.
- Mahmood Nazar Mohamed. (1990). *Pengantar Psikologi Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa Dan Tingkah Laku Manusia.* Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Moḥamad Shatar Sabran. (2005). *Rahsia Kecemerlangan Akademik*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd. Sharani Ahmad & Zainal Madon. (2003). *Tip Pandai Belajar Panduan Teknik-Teknik Berkesan Semasa Belajar Dan Mengajar*. Bentong : PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Nordin Mamat. (2001). *Latar Belakang Sosial dan Motivasi Pelajar terhadap Pencapaian Bahasa Melayu dalam Sistem Pensijilan Terbuka SPM*. Bangi: Disertasi Ijazah Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rohaty Mohd. Majzub. (1992). *Psikologi Perkembangan Untuk Bakal Guru*. Kuala Lumpur : Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Saedah Siraj, Zainu Ishak & Tunku Mohani Tunku Mokhtar. (1996). *Motivasi Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Sharifah Akman Syed Zakaria. (2005). *Panduan Dan Strategi Motivasi Diri*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Sharifah Fatimah Wan Jamel. (2002). *Pengaruh Guru Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab : Satu Kajian Kes*. Disertasi Sarjana Pengajian Bahasa Moden. Fakulti Bahasa dan Linguistik. Universiti Malaya.
- Syed Arabi Idid. (2002). *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zulkifley Hamid. (1994). *Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

#### **RUJUKAN KERTAS SEMINAR**

- Wan Rafaie Abdul Rahman. (1991). *Motivasi dan Psikologi : Anda Boleh Menjadi Pelajar Cemerlang*. Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Seminar Motivasi Diri dan Pembelajaran Berkesan. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia Pada 23-24 hb. Februari 1991.

#### **LAMAN WEB**

- Ma'had Attarbiyah Al-Islamiah (MATRI), <http://matri-perlis.com>